

Impak Penglibatan Pelajar sebagai Ejen Perubahan dalam Aktiviti Keusahawanan Sosial: Kajian Kes di AbleLink Solutions

The Impact of Students' Involvement as Agents of Change in Social Entrepreneurship Activities: A Case Study at AbleLink Solutions

Muhammad Khairulanwar Johari
Nayli Adilla Mohd Fauzi
Aqilah Mohammad Fairuz
¹Nor Jana Saim

Program Kerja Sosial
Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence email: 1janasaim@ukm.edu.my

Article history:

Received date: 30.09.2025
Revised date: 06.10.2025
Accepted date: 16.10.2025
Published date: 28.11.2025

ABSTRAK

Keusahawanan pelajar memainkan peranan penting dalam membentuk generasi muda yang bukan sahaja celik perniagaan tetapi juga prihatin terhadap isu sosial. AbleLink Solutions merupakan satu keusahawanan sosial tajaan Kementerian Pengajian Tinggi melalui platform Program UCSE (Projek University-Community Social Enterprise 2024). Program ini memberi peluang kepada pelajar universiti untuk terlibat secara aktif dalam merancang, melaksana dan mengurus keusahawanan sosial berasaskan komuniti yang menyasarkan golongan rentan. Kajian ini meneroka pengalaman pelajar yang terlibat dalam AbleLink Solutions, meneliti impak penglibatan mereka terhadap pembangunan kemahiran insaniah, pemikiran inovatif dan kesedaran sosial. Data dikumpul melalui temu bual terhadap tujuh orang pelajar yang terlibat. Dapatan kajian menghasil dua tema utama iaitu; Peralihan minda mengenai keusahawanan sosial, dan pengalaman bermakna melalui AbleLink. Dapatan kajian ini menunjukkan pelajar bukan sahaja berupaya membina rangkaian komuniti yang kukuh, malah mampu merealisasikan penyelesaian inovatif kepada masalah setempat. Kajian ini menyokong konsep bahawa keusahawanan sosial pelajar boleh menjadi jambatan antara pendidikan tinggi dan pembangunan masyarakat yang inklusif. Justeru, pendekatan AbleLink Solutions boleh dijadikan model pelaksanaan keusahawanan pelajar yang berteraskan rangkaian inovasi dan realisasi sejagat. Melalui penglibatan langsung dengan komuniti, pelajar dilatih untuk mengenal pasti isu, merangka penyelesaian dan melaksanakan tindakan dengan pendekatan berasaskan empati dan inovasi. Keupayaan ini membolehkan mereka bertindak sebagai ejen perubahan yang responsif terhadap keperluan sebenar masyarakat.

Kata kunci: keusahawanan sosial, pelajar universiti, golongan rentan, kemahiran insaniah, inovasi sosial

ABSTRACT

Student entrepreneurship plays a vital role in shaping a younger generation that is not only business-savvy but also socially conscious. AbleLink Solutions is a social entrepreneurship initiative sponsored by the Ministry of Higher Education through the UCSE Program (University-Community Social Enterprise Project 2024). This program enables university students to actively engage in planning, implementing, and managing community-based social entrepreneurship aimed at vulnerable groups. This study explores the experiences of students involved in AbleLink Solutions, examining the impact of their participation on the development of soft skills, innovative thinking, and social awareness. Data were collected through interviews with all seven participating students. The study's findings yielded two main themes: mindset shifts regarding social entrepreneurship, and meaningful experiences through AbleLink. These findings indicate that students are not only capable of building strong community networks but are also able to realize innovative solutions to local problems. This study supports the concept that student social entrepreneurship can serve as a bridge between higher education and inclusive community development. Therefore, the AbleLink Solutions approach can serve as a model for implementing student entrepreneurship grounded in innovation networks and universal realization. Through direct engagement with communities, students are trained to identify issues, design solutions, and implement actions using empathy- and innovation-based approaches. This capacity enables them to act as agents of change who are responsive to the real needs of society.

Keywords: *social entrepreneurship, university students, vulnerable groups, soft skills, social innovation*

1. Pengenalan

Berdasarkan Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Nazari, 2016) setiap individu OKU berhak menikmati kehidupan yang setara dalam aspek pekerjaan, keusahawanan dan pembangunan ekonomi. Namun begitu, sehingga tahun 2023, kadar penyertaan golongan OKU dalam sektor pekerjaan formal masih sangat rendah dengan hanya 0.36% (25,520 orang) dalam sektor awam, jauh daripada sasaran Dasar 1 Peratus OKU dalam Perkhidmatan Awam yang ditetapkan sejak 1988 (Zaliha Mustafa, 2024). Di peringkat akar umbi pula, kebanyakan peniaga kecil OKU dan komuniti marginal berpendapatan kurang daripada RM1,200 sebulan serta menghadapi cabaran besar dari sudut akses kepada pasaran, latihan, kewangan dan jaringan sosial, khususnya kerana ramai daripada mereka berada dalam sektor informal dan tidak berdaftar (Suhaila Nadzri, 2023; Ahmad Badayai et al., 2023). Hak Orang Kurang Upaya (OKU) tidak seharusnya dipisahkan daripada prinsip-prinsip hak asasi manusia yang lain.

Bayangkan seorang pemuda autisme di Cheras yang melukis potret dengan penuh ketelitian, tetapi karyanya hanya tersimpan di bilik tanpa siapa pun menghargainya. Atau banduan-banduan di penjara yang menghasilkan karpap sejuk beku terbaik, namun peluang untuk menjualnya sering tertutup kerana stigma. Lebih menyentuh hati, ada pula sekumpulan kanak-kanak OKU pembelajaran di sebuah pusat intervensi awal, yang gigih belajar membungkus kuih raya satu per satu, sambil tersenyum bangga melihat hasil tangan mereka dikagumi. Mereka tidak meminta simpati, hanya ruang untuk berdikari dan dihargai. Inilah latar belakang lahirnya *AbleLink Solutions*, sebuah projek keusahawanan sosial yang diterajui oleh pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), demi membuka peluang sebenar kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU) dan komuniti marginal dan menghubungkan kepada komuniti setempat melalui

platform pemasaran hasil produk dan perkhidmatan bagi menjana pendapatan dan membina masa depan yang lebih bermaruah.

Projek ini bermula apabila sekumpulan lapan orang pelajar, bersama dua orang mentor dan seorang penasihat akademik, mengambil bahagian dalam Program University-Community Social Enterprise (UCSE) anjuran Kementerian Pengajian Tinggi. Dengan dana sebanyak RM40,000, mereka membentuk AbleLink Solutions sebagai satu platform yang memasarkan produk dan perkhidmatan daripada komuniti OKU dan marginal di sekitar Bangi, Kajang, Cheras dan Kuala Lumpur. Di sinilah mereka tidak hanya belajar tentang dunia perniagaan tetapi juga menyulam nilai empati, ketabahan dan kepercayaan diri. Moto mereka, “*Beyond Limits*”, bukan sekadar slogan tetapi ia menjadi pegangan untuk melihat setiap individu sebagai insan berpotensi, bukan kekurangan.

Sepanjang pelaksanaan projek, pelajar menggalas pelbagai peranan dari ketua eksekutif, ketua pemasaran, pengurus kewangan, jurujual hingga pereka visual. Mereka berurusan dengan pelbagai agensi termasuk Penjara Kajang, Pusat Jagaan Mahmudah Semenyih, PROWELL, PUSPEN, AADK dan institusi pendidikan khas seperti Akademi Permata Impian Malaysia (APIM) untuk mendapatkan produk-produk seperti makanan sejuk beku, kraf tangan, perabot, biskut, dan karya seni. Proses ini bukan mudah untuk pelajar kerana perlu menyusun strategi pemasaran, mengendalikan tempahan, membina portal dalam talian, reka bentuk visual dan penjenamaan hingga mengatur logistik penghantaran. Namun, semua itu memberi mereka pengalaman praktikal yang tiada tandingannya di dalam bilik kuliah. Lebih penting lagi, mereka menjadi jambatan antara produk yang penuh nilai dan pengguna yang mahu membeli dengan makna.

Artikel ini bertujuan meneroka pengalaman pelajar terlibat dalam keusahawanan sosial AbleLink Solutions untuk menjadi alat perubahan sosial dan ekonomi kumpulan marginal yang menjadi penerima manfaat projek. Selain itu artikel ini juga bertujuan untuk mengkaji bagaimana penglibatan tersebut membentuk kesedaran sosial mereka.

2. Tinjauan Literatur

Bab ini mendalami dunia pendidikan tinggi yang semakin berdaya saing antara satu sama lain, pelajar bukan lagi sekadar penerima ilmu. Namun mereka kini dilihat sebagai agen perubahan yang mampu membawa impak bermakna kepada masyarakat. Keusahawanan sosial pelajar muncul sebagai satu pendekatan yang menggabungkan pembelajaran, nilai kemanusiaan dan tindakan nyata. Tambahan, memberi ruang kepada pelajar untuk membina kemahiran keusahawanan, menanam rasa tanggungjawab sosial serta mengukuhkan hubungan mereka dengan komuniti setempat.

2.1 Peranan Keusahawanan Sosial dalam Pendidikan Tinggi

Keusahawanan sosial kini semakin mendapat tempat penting dalam dunia pendidikan tinggi. Ia bukan sahaja membuka ruang untuk pelajar memahami dan menyelesaikan masalah sosial yang kompleks, malah membentuk mereka menjadi agen perubahan yang mampu memberi impak positif kepada masyarakat. Dengan memasukkan elemen keusahawanan sosial dalam kurikulum dan aktiviti kampus, institusi pengajian tinggi sebenarnya sedang melatih generasi masa depan yang lebih prihatin dan berdaya saing.

Dengan pasaran kerja yang semakin berubah, kemahiran keusahawanan sosial memberi peluang kepada graduan untuk memiliki kerjaya yang lebih fleksibel dan bermakna. Di Malaysia, Pelan Tindakan Keusahawanan Kementerian Pendidikan Tinggi 2021–2025 mendorong graduan untuk mencuba bidang keusahawanan, dengan sokongan seperti program dari Bank Rakyat yang menyediakan bantuan kewangan kepada pelajar yang berminat memulakan perniagaan sosial (Bikar et al. 2024). Ini bukan sahaja membantu mengurangkan kadar pengangguran, malah memupuk semangat berdikari dan kreativiti dalam kalangan pelajar.

Di antara kekuatan pendidikan keusahawanan sosial adalah kerjasama antara pelajar, pensyarah, dan pihak luar. Dengan membina ekosistem yang menyokong pembangunan perusahaan sosial, universiti bukan sahaja meningkatkan pengalaman pembelajaran, tetapi juga memastikan penyelesaian yang dihasilkan relevan dan berkesan mengikut keperluan masyarakat sebenar (Ramírez-Montoya et al., 2024). Pendekatan kolaboratif ini juga mengeratkan hubungan antara pelbagai pihak dan memperkasa komuniti.

Integrasi keusahawanan sosial dalam pendidikan tinggi bukan sekadar trend semata, tetapi satu keperluan strategik untuk membentuk pemimpin masa depan yang mampu membawa perubahan positif. Dengan melengkapkan pelajar dengan kemahiran yang relevan, membina suasana pembelajaran yang kolaboratif dan menangani cabaran yang ada, institusi pengajian tinggi memainkan peranan penting dalam membentuk masa depan yang lebih adil dan lestari.

2.2 Cabaran dan Peluang dalam Keusahawanan Sosial Pelajar

Sejak kebelakangan ini, keusahawanan sosial semakin mendapat perhatian dalam kalangan mahasiswa. Namun, realitinya, masih banyak cabaran yang menghalang penglibatan aktif mereka dalam bidang ini. Walaupun keusahawanan sosial semakin mendapat tempat, pelbagai cabaran masih wujud seperti kekurangan tenaga pengajar yang berkelayakan, dana yang terhad, dan reka bentuk kurikulum yang perlu sentiasa dipertingkatkan. Namun, inisiatif seperti program *Special Social Entrepreneur @Higher Education (SSEHE)* di Malaysia membuktikan bahawa dengan fokus yang tepat, cabaran ini boleh diatasi (Ali et al., 2019). Program ini menumpukan pada melatih golongan OKU dengan kemahiran keusahawanan, sekali gus menggalakkan inklusiviti dan keadilan sosial dalam pendidikan.

Sebagai contoh, kajian oleh Lyu et al. (2024) menunjukkan bahawa niat pelajar untuk menceburi keusahawanan sosial banyak dipengaruhi oleh faktor dalaman seperti keyakinan terhadap kebolehan diri (*self-efficacy*) dan keupayaan mengurus risiko. Ramai pelajar merasa ragu-ragu untuk memulakan projek kerana kurang yakin dengan kemampuan diri sendiri. Tambahan pula, tanpa sokongan kukuh dari segi kewangan dan bimbingan profesional, rasa bimbang ini semakin bertambah.

Seiring dengan itu, Hazenberg et al. (2019) turut menekankan bahawa tekanan sosial dan cabaran dalam mengurus risiko merupakan faktor utama yang memberi kesan besar kepada pelajar. Justeru, latihan membina daya tahan mental atau *resilience training* sangat penting dan wajar dimasukkan sebagai sebahagian daripada pendidikan keusahawanan sosial bagi mempersiapkan pelajar menghadapi cabaran tersebut.

Lebih lanjut, kajian oleh Roslan et al. (2020) mendapati bahawa selain daripada kekangan kewangan, kekurangan tenaga pengajar yang berpengalaman dalam bidang keusahawanan sosial dan suasana institusi yang kurang menyokong turut melemahkan pelaksanaan pendidikan keusahawanan sosial di peringkat universiti. Tambahan dari Shafie et al. (2023) turut

mengukuhkan pandangan ini apabila menegaskan bahawa masalah kekurangan dana dan tadbir urus yang kurang cekap masih menjadi halangan utama dalam pembangunan keusahawanan sosial di Malaysia. Tidak kurang pentingnya ialah kekangan birokrasi dalam institusi pengajian tinggi yang menyebabkan ramai pelajar tidak dapat melaksanakan projek sosial mereka dengan lancar dan berkesan.

Kesemua cabaran ini menegaskan betapa pentingnya peranan institusi pengajian tinggi dalam menyediakan ekosistem yang lebih terbuka, menyokong dan inklusif supaya pelajar bukan sahaja dapat menyumbang kepada masyarakat malah turut mengasah potensi diri mereka melalui keusahawanan sosial. Selain itu, ia juga menjadi medium terbaik untuk pelajar memperkukuh kemahiran insaniah, menimba pengalaman bermakna serta mencipta perubahan sosial yang lestari.

3. Metodologi dan Kawasan Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan pendekatan fenomenologi bagi meneroka secara mendalam pengalaman, persepsi dan makna penglibatan pelajar dalam aktiviti keusahawanan sosial melalui AbleLink Solutions. Pendekatan fenomenologi dipilih kerana menurut Aizan, Ezarina dan Norulhuda (2019), ia sesuai untuk memahami pengalaman dan menafsirkan pengalaman tersebut dalam konteks kehidupan mereka sebagai pelajar universiti. Pendekatan ini juga membolehkan penyelidik meneroka pengalaman pelajar yang terlibat dalam AbleLink Solutions, meneliti impak penglibatan mereka terhadap pembangunan kemahiran insaniah, pemikiran inovatif dan kesedaran sosial.

3.1 Tatabara Pengumpulan Data

Kajian ini melibatkan seramai tujuh (7) orang pelajar yang terlibat dengan keusahawanan sosial AbleLink Solutions telah dipilih menggunakan kaedah *population sampling*, di mana kesemua pelajar yang terlibat dalam populasi kajian telah dijadikan informan kajian. Pemilihan sampel secara menyeluruh ini bertujuan untuk mendapatkan gambaran yang komprehensif dan mendalam mengenai pengalaman dan pandangan pelajar tersebut.

Temu bual tidak berstruktur dijalankan secara bersemuka di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM bagi setiap informan dengan tempoh purata sekitar 40 minit setiap sesi. Kaedah temu bual bersemuka dipilih bagi membolehkan interaksi yang lebih dinamik dan membolehkan peneliti menggali maklumat dengan lebih mendalam melalui soalan susulan. Setiap sesi temu bual dirakam menggunakan telefon.

Soalan temu bual merangkumi:

- a. Pengalaman mereka sebelum menyertai keusahawanan sosial AbleLink?
- b. Apa perasaan mereka setelah menyertai keusahawanan sosial AbleLink?
- c. Apakah pengalaman yang paling bermakna ketika menyertai keusahawanan sosial AbleLink?
- d. Apakah harapan mereka setelah menyertai keusahawanan sosial AbleLink?
- e. Adakah anda akan menceburi keusahawanan sosial setelah bergraduan? Mengapa?

3.2 Analisis Data

Rakaman temu bual telah ditranskripsikan. Verbatim temu bual kemudiannya dianalisis secara tematik berdasarkan Braun dan Clark (2012). Pendekatan analisis tematik ini membolehkan pengkaji mengenal pasti, menganalisis dan mendapatkan sub-tema dan tema utama yang timbul daripada data kualitatif yang dikumpulkan. Proses ini merangkumi pengekodan data, pembangunan tema, memperhalusi tema dan interpretasi bagi menjelaskan fenomena yang dikaji secara lebih terperinci. Tambahan pula menurut Aizan, Ezarina dan Norulhuda (2019), dengan analisis tematik pengkaji mentafsir serta memahami makna yang terkandung dalam data yang berkaitan dengan sesuatu isu. Justeru itu, pengkaji dapat memahami konteks terhadap penglibatan pelajar secara mendalam sebagai ejen perubahan dalam aktiviti keusahawanan sosial.

3.3 Kawasan Kajian

Kawasan kajian adalah di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia. Lokasi ini dipilih kerana kesemua informan yang terlibat dengan keusahawanan sosial AbleLink Solutions merupakan pelajar di FSSK.

4. Dapatan Kajian

4.1 Latar Belakang Informan

Jadual 4.1: Latar Belakang Informan Kajian

Bil	Informan	Umur	Latar belakang kelulusan	Program pengajian semasa
1	Informan 1	23	Matrikulasi Sains Hayat	Kerja Sosial
2	Informan 2	24	Diploma Perladangan	Kerja Sosial
3	Informan 3	24	Diploma TESL	Kerja Sosial
4	Informan 4	47	Diploma Kaunseling	Kerja Sosial
5	Informan 5	23	STPM	Geografi
6	Informan 6	25	Diploma Kaunseling	Kerja Sosial
7	Informan 7	26	Diploma Kaunseling	Kerja Sosial

Kajian ini melibatkan tujuh orang informan dengan latar belakang umur, kelulusan dan bidang pengajian semasa yang pelbagai (Jadual 4.1). Sebahagian besar informan berumur dalam lingkungan 23 hingga 26 tahun, mencerminkan kumpulan muda dewasa yang baru menyambung pengajian atau baru menamatkan pengajian di peringkat diploma atau STPM. Namun begitu, terdapat juga seorang informan berumur 47 tahun, menunjukkan penyertaan golongan dewasa matang yang membawa pengalaman hidup dan kematangan berfikir yang berbeza dalam kajian ini.

Dari segi latar belakang akademik, majoriti informan memiliki kelulusan diploma iaitu dalam bidang Kaunseling, TESL dan Perladangan manakala seorang datang dari laluan matrikulasi Sains Hayat dan seorang lagi dari STPM. Dari sudut bidang pengajian semasa, enam orang informan sedang mengikuti pengajian tahun 3 program Kerja Sosial manakala seorang lagi berada dalam pengajian tahun 3 program Geografi. Kepelbagaian umur, laluan akademik dan bidang pengajian ini memberikan kekuatan kepada kajian dengan memperkayakan perspektif, pandangan dan konteks pengalaman yang berbeza, sekali gus menyumbang kepada pemahaman yang lebih menyeluruh terhadap isu atau fenomena yang dikaji.

4.2 Tema 1: Pengalaman bermakna melalui keusahawanan sosial AbleLink

Terdapat tiga sub-tema bagi tema ini iaitu; Keyakinan dan kebanggaan di platform yang lebih besar, melihat impak positif kepada golongan marginal dan pembelajaran praktikal mengenai keusahawanan sosial. Sebagaimana Jadual 4.2, hasil analisis tematik berdasarkan Braun dan Clark (2012) verbatim peserta menghasilkan dua tema utama dan tujuh sub-tema.

Jadual 4.2: Senarai tema dan sub-tema

Sub-Tema	Tema
<ul style="list-style-type: none"> • Keyakinan & Keberanian Mengambil Peranan Baru / Kebanggaan Mewakili Organisasi di Platform Lebih Besar • Melihat Impak Positif Kepada Golongan Marginal • Pembelajaran Praktikal Mengenai keusahawanan sosial • Transformasi pemikiran tentang membantu golongan marginal • Keupayaan membezakan keusahawanan biasa dan keusahawanan sosial • Inspirasi dari latar belakang peribadi • Kesedaran akan tanggungjawab sosial 	<p>a. Pengalaman Bermakna Melalui AbleLink</p> <p>b. Peralihan minda mengenai keusahawanan sosial</p>

4.2.1 Sub-tema 1 a: Keyakinan dan kebanggaan di platform yang lebih besar.

Sub-tema ini muncul dengan jelas dalam naratif para informan yang memperlihatkan transformasi bukan sahaja pada tahap individu tetapi juga pada aspirasi mereka terhadap keberhasilan sosial yang lebih luas. Informan 2 menyatakan pada awal penglibatan beliau berasakan ianya diluar kemampuannya. Walaubagaimanapun beliau tetap mencuba yang terbaik untuk terlibat secara aktif. Informan 2 berkata, “Masa *tu* sumpah saya rasa macam *tak* layak, banyak kali saya fikir, ‘*mampu ke aku nak handle ni?*’ Tapi saya cuba juga buat yang terbaik”. Bagi Informan 7 pula, penyertaan dalam keusahawanan sosial AbleLink Solutions memberi peluang kepada beliau untuk meneroka satu dunia perniagaan yang tidak pernah terfikir olehnya. Pernyataan Informan 7 seperti berikut:

Sebelum menyertai AbleLink, saya memang ada minat dalam bidang perniagaan, *tapi* semuanya secara kecil-kecilan dan tidak pernah *serious*. Saya suka tengok orang berniaga dan selalu pasang angan-angan *nak* ada *business* sendiri satu hari nanti. *Tapi* bila sebut tentang *social enterprise*, saya sebenarnya *tak* pernah tahu *pun* wujudnya bentuk keusahawanan macam *ni*. Saya fikir *business ni* cuma tentang buat untung dan jual barang, *tapi* rupanya ada cara kita boleh berniaga sambil membantu orang lain. Jadi bila diberi peluang untuk terlibat dalam SE AbleLink, saya rasa macam dapat masuk dunia baru yang saya *tak* pernah *explore* sebelum *ni*. (Informan 7)

Informan 3 pula menyatakan pengalaman beliau seperti berikut, “Pengalaman yang paling bermakna sewaktu saya mewakili AbleLink ke satu Persidangan Belia Global Goals di Royal Chulan KL...Saya berhubung dengan pelbagai individu dan badan organisasi sebagai ‘*potential partnerships*’ atau gerakan inisiatif kolaboratif”. Kenyataan dari informan ini memperlihatkan bukan sahaja kepercayaan dirinya yang semakin meningkat tetapi juga kebanggaan dapat membawa suara organisasi ke pentas nasional. Pengalaman ini memberi makna baru kepada

peranan mereka iaitu sebagai agen perubahan yang mampu mencipta impak di luar lingkaran komuniti tempatan.

Selain itu, impian untuk melihat AbleLink berkembang menjadi platform yang setanding dengan jenama besar turut memperkukuh dimensi kebanggaan ini. Informan 4, sebagai contoh, menggambarkan harapannya dengan berkata, “Saya sangat berharap keusahawanan sosial AbleLink ni akan terus berkembang dan jadi satu platform yang lebih besar, macam Shopee, *tapi* versi kita”. Ucapan ini memperlihatkan keyakinan bahawa usaha sosial tidak semestinya kecil atau terpinggir, sebaliknya mempunyai potensi untuk diarusperdanakan. Ini menunjukkan bagaimana pengalaman mereka di dalam keusahawanan sosial AbleLink telah memupuk pemikiran bercita-cita tinggi, di mana marginalisasi bukan lagi penghalang untuk mencapai kejayaan di peringkat lebih luas.

Dari perspektif psikososial, naratif para informan memaparkan bagaimana penyertaan dalam platform seperti AbleLink bukan sahaja memperkukuh identiti sosial mereka, tetapi juga membina keberanian untuk mengambil peranan kepimpinan. Informan 2 mencatatkan, “Saya cuba juga buat yang terbaik... bukan saja dari segi pengurusan, *tapi* juga keyakinan dan keberanian untuk ambil peranan yang lebih aktif dalam sesuatu projek”. Hal ini menunjukkan bahawa pengalaman dalam SE bukan sekadar memberi mereka kemahiran teknikal, tetapi lebih penting lagi memupuk *self-efficacy*, iaitu keyakinan bahawa mereka mampu memimpin dan menyumbang secara signifikan dalam perubahan sosial.

Akhirnya, tema kebanggaan ini tidak hanya tertumpu kepada kejayaan peribadi tetapi turut berkait rapat dengan semangat kolektif untuk mengangkat suara golongan marginal di mata masyarakat lebih luas. Informan 3 menyatakan, “Harapan saya adalah memastikan AbleLink dapat membantu kumpulan sasaran kami pada skala yang besar... malah jika dapat pergi ke seluruh Malaysia hingga ke luar negara”. Informan 5 pula menyatakan pengalaman beliau menyertai AbleLink Solutions dari peringkat permulaan semasa proses pembentangan kertas kerja projek di peringkat Kementerian Pengajian Tinggi dan pemilihan akhir.

Jujurnya, sebelum saya sertai dengan AbleLink, saya memang *tak* ada langsung pengalaman dalam hidup saya. Bab *business speaking*, bantu komuniti, semua itu sangat jauh dari saya. *Tapi* lepas masuk AbleLink, saya rasa sangat seronok. Bukan sebab aktiviti dia *je*, *tapi* sebab AbleLink banyak ajar saya tentang kekurangan mereka. Siapa mereka, cabarannya mereka hadapi, dan yang paling penting, macam mana kita boleh bantu mereka dengan cara yang berkesan dan bermakna. Ilmu itu membuka mata dan hati saya. Kalau *nak* cerita pengalaman yang paling bermakna, saya pilih waktu *pitching*. Kali pertama saya *pitching* adalah dekat KPT dan kali kedua dekat Penang. Bagi orang yang jenis gugup dan *tak reti* sangat bercakap depan orang ramai macam saya, itu satu cabaran yang besar. *Tapi* Alhamdulillah, dengan bantuan Dr [mentor] dan kawan-kawan, saya berjaya juga buat yang terbaik. Mungkin *tak* sempurna, *tapi* bagi saya, itu satu pencapaian yang besar. Saya rasa sangat bangga dengan diri saya sendiri. Lepas sertai AbleLink, saya pasang satu harapan. Saya *nak* terus beri sumbangan kepada masyarakat, khususnya kumpulan marginal yang kami fokuskan dalam program ini. (Informan 5)

Pernyataan ini mencerminkan aspirasi yang melampaui batas individu, iaitu impian untuk membawa nilai-nilai dan usaha sosial tempatan ke pentas global. Dengan demikian, pengalaman mereka dalam AbleLink bukan sahaja meningkatkan kepercayaan diri tetapi juga mencipta satu

rasa bangga untuk menjadi sebahagian daripada gerakan yang membawa perubahan bermakna kepada masyarakat.

4.2.2 Sub-tema 1 b: Melihat impak positif kepada golongan marginal

Informan yang terlibat dengan keusahawanan sosial AbleLink Solutions melihat impak positif kepada golongan marginal melalui tiga dimensi utama iaitu transformasi psikososial, penguatan ekonomi, dan pengukuhan komuniti. Ketiga-tiga dimensi ini dilihat saling berkait rapat dalam membina perubahan yang berkesan dan berpanjangan.

Dari sudut transformasi psikososial, informan berpendapat AbleLink jelas memecahkan kerangka lama yang melihat golongan marginal sebagai semata-mata penerima bantuan atau objek “penyelamatan”. Informan 4 menyatakan peralihan pandangan dirinya: daripada melihat kelompok ini sebagai “mereka yang perlu diselamatkan”, kepada menyedari bahawa keusahawanan sosial menawarkan ruang untuk mereka membina masa depan secara berdaya sendiri. Informan 4 menyatakan bahawa “perubahan yang berkesan bukan hanya datang daripada bantuan, tetapi daripada pemerikasaan sendiri. Kenyataan selari oleh Informan 1 yang diungkapkan sebagaimana berikut, “Saya nampak sendiri sinar harapan *tu*, reaksi mereka macam, ‘Oh... masih ada peluang lagi untuk kami berkembang, masih ada orang yang peduli’.”

Pendapat yang sama diutarakan oleh Informan 6. Beliau menyatakan penglibatan dalam keusahawanan sosial AbleLink Solutions merupakan satu pengalaman yang bermakna dan membuatnya sedar bahawa usaha yang kecil juga memberi makna kepada penerima manfaat. Ini boleh dilihat melalui pernyataan Informan 6 seperti berikut:

Antara pengalaman yang paling bermakna ialah ketika kami menjalankan projek Karipap MyPride dan Kuih Raya APIM. Saya terlibat secara langsung dalam proses penyediaan tempahan, pengurusan bayaran, serta pemasaran produk bersama kumpulan sasar. Melihat kegembiraan dan semangat yang terpancar daripada mereka benar-benar menyentuh hati saya. Ia membuat saya sedar bahawa usaha kecil kita boleh memberi peluang dan keyakinan baharu kepada mereka untuk berdikari. (Informan 6)

Ini menunjukkan bagaimana pengalaman terlibat dengan keusahawanan sosial AbleLink Solutions mencipta momen kebangkitan psikologi dalam kalangan golongan marginal yang bahawa mereka bukan sekadar ‘mangsa’, tetapi individu yang masih memiliki potensi untuk maju.

Dari aspek ekonomi pula, inisiatif seperti keusahawanan sosial AbleLink bukan sahaja menyediakan peluang pekerjaan tetapi juga membuka akses kepada pembangunan kapasiti dan jaringan yang lebih luas. Informan 2 menyoroti bagaimana projek karipap Penjara Kajang bukan hanya menjadi sumber pendapatan, tetapi juga satu medan kreativiti dan latihan kerja bagi banduan: “Saya betul-betul rasa kagum... Galeri MyPride *tu* sendiri bagi peluang untuk mereka bekerja dan jana pendapatan.” Di sini, nilai ekonomi yang tercipta bukan sekadar bersifat material, tetapi juga memberi impak kepada pembinaan maruah diri dan pengurangan stigma sosial. Hal ini selari dengan pandangan Amartya Sen (1999) tentang pendekatan keupayaan yang memfokuskan bukan hanya kepada pendapatan, tetapi kepada perluasan keupayaan manusia untuk menjalani kehidupan yang mereka hargai.

Selain itu, dari aspek komuniti pula, keusahawanan sosial AbleLink membina bukan sekadar hubungan antara pemberi dan penerima bantuan, tetapi satu ekosistem sosial yang lebih

inklusif dan lestari. Informan 3 mencatat bahawa melalui penyertaan dalam persidangan global, beliau dapat membuka peluang kerjasama strategik untuk memastikan AbleLink berkembang dan terus menyumbang kepada komuniti marginal, baik di Kajang mahupun di kawasan lain: “Saya ingin terlibat dengan AbleLink pada jangka masa panjang kerana... dapat menyumbang kepada komuniti yang memerlukan.” Di sini, impak positif kepada golongan marginal bukan hanya bersifat ‘*bottom-up*’, tetapi turut diperkuat dengan sokongan ‘*top-down*’ melalui pembangunan kapasiti institusi dan berupaya untuk membina jaringan antarabangsa.

Akhir sekali, kesan positif ini tidak hanya tertumpu kepada kelompok marginal itu sendiri, tetapi juga kepada para pelaksana dan sukarelawan program. Informan 4 menggambarkan pengalaman beliau sebagai “satu misi kemanusiaan yang membuka mata dan hati saya tentang makna sebenar pemerikasaan sosial. Ini menunjukkan bahawa keusahawanan sosial mampu memupuk kesedaran kritikal, empati dan komitmen sosial dalam kalangan generasi muda, menjadikan mereka bukan sekadar agen pelaksana projek, tetapi agen perubahan sosial yang lebih proaktif.

4.2.3 Sub-tema 1 c: Pembelajaran praktikal mengenai keusahawanan sosial

Pembelajaran praktikal mengenai keusahawanan sosial yang dialami oleh para informan SE AbleLink menekankan transformasi pemikiran daripada sekadar memberi bantuan kepada membina keupayaan kumpulan marginal. Sebagai contoh, Informan 1 menyatakan, “Melalui pendekatan keusahawanan sosial, kumpulan marginal boleh berkembang menjadi individu yang berdaya saing, berdikari dan memberi impak kepada komuniti mereka sendiri.” Ini menunjukkan bahawa pembelajaran praktikal bukan hanya berlaku pada tahap teori atau perbincangan tetapi juga melalui interaksi langsung dengan kelompok sasaran, di mana informan menyaksikan sendiri potensi dan kekuatan dalaman kelompok marginal yang sering tidak diberi ruang untuk berkembang. Pendekatan ini sejajar dengan prinsip pemerikasaan sendiri dalam teori pembangunan komuniti yang menekankan bahawa keberkesanan intervensi sosial bergantung kepada bagaimana individu itu diberi peluang untuk memimpin perubahan hidup mereka sendiri.

Selain itu, pembelajaran praktikal ini mengasah kemahiran pengurusan projek dan kepimpinan, seperti yang dikongsi Informan 2, “Malah *diorang* bagi saya tanggungjawab besar iaitu jadi *PIC (person in charge)* untuk projek karipap Penjara Kajang... saya betul-betul usaha untuk puaskan hati mentor, *teammates*, pelanggan dan keluar dari *comfort zone* saya.” Seterusnya, Informan 2 turut menambah, “Bukan saja dari segi pengurusan, *tapi* juga keyakinan dan keberanian untuk ambil peranan yang lebih aktif dalam sesuatu projek.” Di sini, pengalaman praktikal memberi peluang kepada informan untuk bukan sahaja memahami konsep keusahawanan sosial, tetapi turut mempraktikkan kemahiran komunikasi, organisasi dan keberanian mengambil peranan aktif dalam projek sebenar. Pembelajaran ini juga penting dari sudut psikososial kerana ia membina keyakinan diri dan meningkatkan keupayaan sendiri dalam kalangan pelatih sekali gus meningkatkan keberkesanan program sosial itu sendiri.

Akhir sekali, pembelajaran praktikal mengenai keusahawanan sosial turut mencipta kesedaran baru tentang skala dan impak sosial yang boleh dicapai. Informan 3 berkongsi, “Saya bukan sahaja mewakili AbleLink, tetapi saya turut mewakili UKM dan Malaysia... Saya pelajari banyak benda baharu yang boleh menyumbang kepada pertumbuhan AbleLink secara lestari.” Pengalaman ini menunjukkan bahawa penglibatan secara langsung dalam lapangan bukan sahaja memperluaskan pandangan dan pemahaman pelajar, malah membuka ruang untuk menyumbang

secara lebih bermakna kepada masyarakat. Ia bukan sekadar membantu komuniti setempat, tetapi juga membuka peluang untuk membina jaringan kerjasama yang lebih meluas serta melibatkan diri dalam inisiatif sosial di peringkat nasional dan antarabangsa. Hal ini secara tidak langsung mengukuhkan gagasan bahawa keusahawanan sosial bukan sekadar usaha kecil, tetapi merupakan satu gerakan yang mampu mendorong perubahan struktur dalam masyarakat.

4.3 Tema 2: Peralihan minda Mengenai Keusahawanan Sosial

Tema ini terhasil dari empat (4) sub-tema iaitu: Transformasi pemikiran tentang membantu golongan marginal, Keupayaan membezakan perniagaan biasa dan keusahawanan sosial, inspirasi dari latar belakang peribadi, dan kesedaran akan tanggungjawab sosial.

4.3.1 Sub-tema 2 a: Transformasi Pemikiran Tentang Membantu Golongan Marginal

Analisis menunjukkan bahawa penyertaan dalam keusahawanan sosial AbleLink telah mencetuskan perubahan besar dalam cara peserta memandang isu bantuan kepada golongan marginal. Sebelum terlibat, mereka melihat usaha membantu ini sebagai satu bentuk “penyelamatan sepihak” atau “*one-sided rescue*”. di mana golongan marginal hanya menjadi penerima pasif. Namun, pengalaman bersama SE AbleLink telah mengubah perspektif mereka ke arah konsep pemerdayaan, di mana golongan marginal dilihat memiliki kekuatan dan potensi untuk mencipta perubahan dalam kehidupan mereka sendiri asalkan diberi peluang dan sokongan awal.

Sebagai contoh, seorang informan menyatakan:

Saya mula menyedari bahawa mereka juga mempunyai kekuatan dan potensi untuk mencipta perubahan, asalkan diberi peluang, bimbingan dan sokongan awal. Melalui pendekatan keusahawanan sosial, *marginalised group* boleh berkembang menjadi individu yang berdaya saing, berdikari dan memberi impak kepada komuniti mereka sendiri. (Informan 4).

Bagi Informan 2 pula, pengalaman menyertai SE AbleLink turut membuka matanya kepada peranan perniagaan bukan sekadar sebagai medium keuntungan tetapi sebagai alat untuk membantu kelompok terpinggir:

Saya mula sedar ada konsep perniagaan yang fokusnya bukan semata-mata *nak* cari untung, *tapi* lebih kepada membantu golongan yang terpinggir... bagi peluang pekerjaan, bagi cara untuk *diorang* kumpulan marginal *ni survive*, ada pendapatan dan bermaruah. (Informan 2).

Sementara itu, Informan 3 juga mengakui sebelum ini beliau menganggap keusahawanan hanya bersifat “*profit-driven*,” tetapi pengalaman bersama SE AbleLink membuatkan beliau lebih peka dan memahami peranan sosial dalam aktiviti ekonomi:

Saya merasakan saya lebih cakna dan lebih mendalami isu-isu berkaitan dengan pertumbuhan ekonomi kumpulan-kumpulan marginal. Terutama sekali kerana saya berlatar belakangkan kerja sosial, saya merasakan satu tanggungjawab baru yang boleh

digerakkan bersama AbleLink untuk membantu kumpulan-kumpulan marginal ini dari segi keusahawanan. (Informan 4).

Justeru, transformasi pemikiran ini bukan hanya memberi kesan kepada individu peserta malah melahirkan semangat misi sosial yang lebih luas di mana mereka bukan hanya membantu untuk hari ini, tetapi mencipta perubahan jangka panjang yang berkesan.

4.3.2 Sub-tema 2 b: Keupayaan membezakan Perniagaan Biasa & Keusahawanan Sosial

Hasil analisis mendapati para informan SE AbleLink menunjukkan kefahaman mendalam tentang perbezaan asas antara perniagaan biasa dan keusahawanan sosial. Seperti dinyatakan oleh Informan 3, “Saya sebenarnya tidak mempunyai kefahaman yang mendalam berkaitan dengan keusahawanan sosial... saya menganggap kedua-duanya ‘*profit driven*’”. Namun, setelah terlibat dengan SE AbleLink, beliau menyedari bahawa keusahawanan sosial mempunyai matlamat yang jauh lebih besar iaitu bukan sekadar keuntungan semata-mata tetapi memfokus kepada pembangunan kumpulan marginal seperti wanita Orang Asli. Ini menunjukkan satu peralihan paradigma dari sekadar mencari untung kepada mencipta impak sosial secara lestari.

Selain itu, Informan 2 turut menggambarkan perbezaan ini apabila beliau menyatakan, “Mereka *ni* bukan *tak* kisah langsung *pasal* duit, *tapi* cara mereka jana duit *tu* berbeza; melalui *fundraising, collaborating*, geran, dan juga buat kerja seperti biasa. *Tapi* matlamat utama mereka tetap untuk bantu orang.” Petikan ini menonjolkan bagaimana elemen kewangan dalam keusahawanan sosial bukanlah penentu utama, sebaliknya ia berfungsi sebagai alat untuk memperkukuh misi sosial seperti memberi peluang pekerjaan, memperkasa individu terpinggir, dan meningkatkan maruah diri. Perbandingan ini jelas memisahkan keusahawanan sosial daripada perniagaan biasa yang berorientasikan keuntungan peribadi atau korporat.

Informan 4 pula membawa perspektif kerja sosial apabila beliau menyebut, “Social Enterprise” ini kita bukan berorientasikan keuntungan semata-mata, tetapi kita membantu kumpulan sasar... memberikan keuntungan kepada mereka serta mengubah hidup mereka.” Di sini, ditekankan bahawa peranan sosial *entrepreneur* bukan sebagai pemberi derma, tetapi sebagai pemangkin yang membimbing kumpulan sasar untuk membina pendapatan sendiri dan menjadi individu yang berfungsi dengan cemerlang dalam masyarakat. Analisis ini memperlihatkan bahawa SE AbleLink bukan sekadar mengajar kemahiran perniagaan, tetapi juga memperkukuh nilai pemerikasaan sendiri dan pembangunan komuniti sebagai teras utama mereka.

4.3.3 Sub-tema 2 c: Inspirasi dari Latar Belakang Peribadi

Penglibatan informan dalam SE AbleLink jelas dipengaruhi oleh latar belakang peribadi dan keluarga mereka, yang telah membentuk nilai dan perspektif mereka terhadap kerja sosial serta keusahawanan sosial. Informan 2 contohnya, mendedahkan bahawa meskipun perniagaan keluarganya bersifat *profit-driven*, bapanya sentiasa menekankan kebajikan pekerja. Nilai ini secara tidak langsung telah membentuk kesedaran awal bahawa perniagaan bukan sekadar untuk keuntungan diri, tetapi juga tanggungjawab sosial terhadap orang lain. Kesedaran ini menjadi benih yang berkembang apabila Informan 2 terlibat secara langsung dengan keusahawanan sosial, di mana dia mula melihat potensi sebenar keusahawanan sosial dalam memberi impak positif kepada masyarakat marginal.

Saya perasan ayah saya selalu tekankan *pasal* kebajikan pekerja... Dia selalu cakap, biar pekerja cukup gaji, dia sanggup berkorban *takde* gaji. Walaupun *business [ayah] tu* bukan *social enterprise* sepenuhnya, *tapi* nilai-nilai yang ayah saya ajar *tu* sangat selari. (Informan 2)

Bagi Informan 1 pula, pengalaman masa kecilnya melihat pusat-pusat tahfiz bergantung kepada derma mencetuskan persoalan besar dalam dirinya: “*Takkan tak* ada cara lain? Macam mana *nak* bantu mereka supaya *tak* perlu minta-minta *tapi* pada masa yang sama, pusat tu masih boleh berjalan dan berkembang?” Pertanyaan ini akhirnya menemukan jawapannya dalam konsep keusahawanan sosial, yang bukan sekadar memberi bantuan, tetapi membina keupayaan untuk berdikari. Keusahawanan sosial AbleLink Solutions menjadi platform yang bukan sahaja memenuhi pencarian jawapannya, tetapi juga menyambung misi peribadi yang tertanam sejak kecil untuk melihat golongan marginal berdikari dengan penuh maruah.

Sementara itu, Informan 3 membawa latar belakang keusahawanan kecil-kecilan sejak muda seperti menjadi *dropshipper* dan menjual kuih raya, yang membentuk minatnya dalam dunia perniagaan. Namun, melalui AbleLink, beliau menyedari perbezaan besar antara perniagaan berorientasikan keuntungan semata-mata dan keusahawanan sosial yang menekankan pemerikasaan komuniti. Tambahan pula, bidang akademiknya dalam kerja sosial serta tesis berkaitan wanita Orang Asli semakin mengukuhkan keterikatannya dengan misi AbleLink. Jelas di sini bahawa latar belakang peribadi baik dari keluarga, pengalaman masa kecil atau minat akademik yang menjadi faktor penting yang mencetuskan inspirasi untuk terlibat dalam usaha sosial yang lebih besar, bukan sekadar kerana peluang, tetapi kerana ia adalah kesinambungan nilai dan impian yang telah lama tertanam dalam diri masing-masing.

4.3.4 Sub-tema 2 d: Kesedaran akan tanggungjawab sosial

Kesedaran akan tanggungjawab sosial merupakan salah satu elemen penting yang muncul daripada pengalaman para informan yang terlibat dalam keusahawanan sosial AbleLink. Tema ini memperlihatkan bagaimana penglibatan mereka dalam aktiviti sosial bukan sahaja membentuk pemahaman terhadap isu-isu komuniti, tetapi juga meningkatkan komitmen peribadi untuk berperanan aktif dalam membawa perubahan positif kepada golongan sasaran.

Sebagai contoh, Informan 4 menyatakan bahawa, “Saya menyertai program-program menyantuni asnaf, fakir miskin, pendidikan untuk anak yatim, pendidikan untuk golongan OKU...dan sebelum itu saya *tak* pernah pula mengetahui ada lagi satu perkara kebajikan yang banyak memberi impak kepada diri saya dan kumpulan sasaran.” Petikan ini mencerminkan bahawa keterlibatan dalam pelbagai aktiviti sosial telah membuka pandangan beliau tentang keperluan-keperluan sebenar masyarakat yang sebelum ini mungkin tidak disedari. Kesedaran ini menjadi titik tolak kepada penglibatan yang lebih bermakna dalam kerja-kerja sosial.

Selanjutnya, Informan 2 menegaskan peranannya bukan sekadar memberi bantuan secara langsung, tetapi juga membantu mencipta peluang bagi penerima manfaat untuk membina kehidupan yang lebih baik. Beliau menyatakan, “Saya rasa penglibatan dalam SE *ni* akan bantu saya luaskan lagi impak kerja sosial yang saya buat. *Tak* terhad pada kaunseling atau rujukan semata-mata, *tapi* saya boleh terus buka jalan untuk perubahan hidup jangka panjang contohnya dengan bantu klien bina kemahiran, jana pendapatan, atau dapat semula keyakinan diri.” Ini menunjukkan pemahaman bahawa tanggungjawab sosial memerlukan pendekatan yang bersepadu

melibatkan pembangunan kapasiiti serta pemerksaan individu agar mereka dapat mencapai keberdayaan diri.

Sementara itu, Informan 3 memperlihatkan dimensi tanggungjawab sosial yang lebih luas, melangkaui sempadan komuniti tempatan. Menurut beliau,

Saya bukan sahaja mewakili AbleLink, tetapi saya turut mewakili UKM dan Malaysia...Saya pelajari banyak benda baharu yang boleh menyumbang kepada pertumbuhan AbleLink secara lestari. Saya merasakan satu tanggungjawab baru yang boleh digerakkan bersama AbleLink untuk membantu kumpulan-kumpulan marginal ini. (Informan 3)

Hal ini membuktikan bahawa kesedaran akan tanggungjawab sosial turut merangkumi aspek representasi identiti institusi dan negara, sekali gus meningkatkan rasa tanggungjawab untuk membawa impak berskala lebih besar serta membina kelestarian sosial. Kesedaran akan tanggungjawab sosial yang dinyatakan oleh para informan menunjukkan bahawa penglibatan mereka dalam keusahawanan sosial AbleLink Solutions bukan hanya bersifat sukarela atau berkala, tetapi lahir daripada pemahaman mendalam tentang keperluan masyarakat dan peranan mereka sebagai agen perubahan. Kesedaran ini menjadi pemacu utama kepada pembentukan komitmen sosial jangka panjang yang mampu memberi manfaat berterusan kepada kumpulan sasar dan komuniti yang lebih luas.

5. Perbincangan

Diharapkan dapatan dari pengalaman ini bukan sekadar mencetuskan inspirasi tetapi juga menjadi model kepada pendekatan pendidikan tinggi yang lebih inklusif dan berimpak tinggi selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG8 & SDG10).

Analisis terhadap pengalaman para informan dalam keusahawanan sosial AbleLink Solutions telah mengemukakan dua tema utama yang mencerminkan nilai signifikan pengalaman mereka: (1) Pengalaman bermakna melalui keusahawanan sosial AbleLink dan (2) Peralihan minda mengenai keusahawanan sosial. Kedua-dua tema ini memperlihatkan bagaimana penglibatan dalam projek keusahawanan sosial bukan sahaja mengasah kemahiran teknikal malah turut membina kepekaan sosial, kepimpinan, serta kefahaman pelajar tentang makna sebenar perubahan komuniti.

Tema pengalaman bermakna melalui keusahawanan sosial AbleLink menunjukkan bahawa penglibatan para informan dalam platform ini bukan sahaja memberi ruang kepada mereka untuk belajar secara praktikal tetapi turut menumbuhkan rasa identiti sosial dan keyakinan diri. Seperti yang dijelaskan oleh Informan 2, “pengalaman mengurus projek sebenar membuat saya berani bercakap dan berunding dengan pihak luar, saya rasa lebih yakin dengan potensi diri.” Dapatan ini menyokong konsep efikasi sendiri oleh Bandura (1997), di mana pengalaman kejayaan kecil membina keberanian untuk mengambil tanggungjawab yang lebih besar. Rasa bangga yang dizahirkan oleh informan bukan sekadar terhadap pencapaian peribadi tetapi terhadap keupayaan mereka menyumbang kepada matlamat sosial yang lebih luas dalam mengangkat suara golongan marginal ke peringkat nasional.

Sub-tema mengenai impak positif kepada golongan marginal memperkukuh lagi peranan keusahawanan sosial sebagai alat pemerksaan. Seperti yang dikongsikan oleh salah seorang

informan, “kami bukan bantu untuk simpati *tapi nak* mereka rasa dihargai dan boleh jana pendapatan sendiri.” Pandangan ini mencerminkan peralihan daripada paradigma kebajikan kepada pemerksaan sendiri. Hal ini selaras dengan pendekatan keupayaan oleh Sen (2015) yang menekankan keupayaan manusia untuk memilih dan membentuk kehidupan yang mereka hargai. Dalam konteks Malaysia, usaha ini turut menyokong SDG 10 yang berhasrat mengurangkan ketidaksamaan sosial melalui penyertaan ekonomi inklusif bagi kumpulan rentan seperti OKU dan bekas banduan (Suhaila Nadzri, 2023; Zaliha Mustafa, 2024). Melalui projek AbleLink, pelajar secara tidak langsung menjadi jambatan antara dunia akademik dan komuniti serta membantu memperkukuh jaringan ekonomi sosial tempatan.

Sub-tema seterusnya, pembelajaran praktikal memperlihatkan bagaimana para informan memperoleh pengalaman langsung yang tidak dapat diperoleh melalui teori semata-mata. Pengalaman mereka mengurus pemasaran, berunding dengan agensi luar dan mengatur logistik aktiviti sosial telah memperkukuh kemahiran insaniah, kepimpinan, dan komunikasi. Hal ini membuktikan keberkesanan pendekatan *experiential learning* (Kolb, 2015) yang turut ditekankan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia 2021–2025. Kajian oleh Roslan et al. (2020) dan Shafie et al. (2020) juga menunjukkan bahawa pembelajaran berasaskan pengalaman seperti ini amat penting untuk membentuk pelajar sebagai ejen perubahan sosial. Dari perspektif SDG 8, keupayaan pelajar menjalankan aktiviti keusahawanan sosial yang menjana pendapatan kepada komuniti memperkukuh agenda pekerjaan layak dan pertumbuhan ekonomi inklusif di peringkat akar umbi.

Tema kedua, peralihan minda mengenai keusahawanan sosial pula menggambarkan transformasi paradigma dalam kalangan informan. Sebelum menyertai projek ini, ramai melihat usaha membantu golongan marginal sebagai bentuk derma atau bantuan sepihak. Namun, melalui penglibatan dengan AbleLink pandangan ini berubah. Informan 4 misalnya menjelaskan bahawa, “saya dulu fikir bantu orang cukup bagi derma, *tapi* sekarang saya nampak mereka perlukan peluang, bukan simpati.” Perubahan ini menunjukkan pemahaman yang lebih progresif terhadap konsep pemerksaan di mana komuniti marginal dilihat sebagai rakan pembangunan yang berpotensi. Ini selaras dengan prinsip penyertaan bermakna dalam pembangunan komuniti (Cornwall, 2008) menegaskan keperluan melibatkan komuniti secara aktif dalam proses perubahan sosial.

Selain itu, keupayaan membezakan keusahawanan sosial daripada perniagaan biasa turut menjadi penanda penting kepada perubahan kognitif informan. Mereka mula memahami bahawa keuntungan dalam konteks keusahawanan sosial bukanlah matlamat akhir tetapi alat untuk mencapai keadilan dan impak sosial yang mampan. Ini memperlihatkan internalisasi nilai-nilai sosial dalam diri pelajar iaitu satu bentuk literasi moral yang semakin penting dalam pendidikan tinggi. Dasar Keusahawanan Sosial Malaysia (2023) turut menekankan keseimbangan ini sebagai asas kepada pembangunan ekonomi beretika.

Sub-tema inspirasi daripada latar belakang peribadi pula menunjukkan bahawa pengalaman lampau dan nilai keluarga memainkan peranan dalam membentuk motivasi sosial pelajar. Seorang informan menyatakan bahawa, “saya tengok mak saya susah, sebab *tu* bila nampak orang yang perlukan peluang, saya tergerak *nak* bantu.” Pernyataan ini mengukuhkan teori motivasi prososial oleh Clary dan Snyder (1999) di mana tindakan altruistik sering berpunca daripada empati yang dibentuk melalui pengalaman hidup. Nilai gotong-royong dan kepedulian sosial yang menjadi budaya masyarakat Malaysia (Sanusi et al., 2023) turut menambah dimensi kontekstual kepada dapatan ini.

Akhir sekali, kesedaran akan tanggungjawab sosial memperlihatkan kematangan pelajar dalam memahami peranan mereka sebagai agen perubahan. Pengalaman mengendalikan projek dan berinteraksi dengan pelbagai lapisan masyarakat menjadikan mereka lebih peka terhadap isu sosial, keadilan dan hak asasi manusia. Mereka mula melihat keusahawanan sosial bukan sekadar aktiviti ko-kurikulum, tetapi satu amanah untuk menyumbang kepada kesejahteraan bersama. Kesedaran ini bukan sahaja memperkukuh identiti profesional mereka malah sejajar dengan aspirasi SDG 8 dan SDG 10, khususnya dalam membina tenaga kerja muda yang produktif dan beretika serta masyarakat yang lebih inklusif dan seimbang.

Secara keseluruhannya, pengalaman para informan dalam keusahawanan sosial AbleLink Solutions telah membuktikan bahawa platform seperti ini bukan sahaja memperkukuh kemahiran teknikal dan sosial pelajar tetapi turut menjadi wadah sebenar pelaksanaan agenda pembangunan mampan di peringkat akar umbi. Pelajar bukan lagi sekadar pemerhati, tetapi pelaku aktif yang menggerakkan SDG 8: Pekerjaan Layak dan Pertumbuhan Ekonomi serta SDG 10: Pengurangan Ketidaksamaan melalui tindakan nyata dalam komuniti. Justeru, model seperti AbleLink wajar dijadikan contoh kepada universiti lain dalam memperkukuh penglibatan pelajar sebagai ejen perubahan sosial yang berdaya saing, beretika dan berjiwa kemanusiaan.

6. Kesimpulan dan Penemuan

Secara keseluruhan, kajian ini menunjukkan bahawa penyertaan pelajar dalam platform keusahawanan sosial seperti AbleLink Solutions memberikan impak yang mendalam bukan sahaja kepada komuniti marginal sebagai penerima manfaat, tetapi juga kepada pelajar sendiri sebagai ejen perubahan. Transformasi yang berlaku meliputi dimensi psikososial, ekonomi dan komuniti yang saling melengkapi antara satu sama lain, seterusnya membentuk ekosistem sosial yang lebih inklusif dan berdaya tahan. Melalui pengalaman ini, para pelajar bukan sahaja memperkukuh kemahiran insaniah dan kepimpinan tetapi juga mengembangkan kefahaman terhadap nilai kemanusiaan dan keadilan sosial.

Kesedaran akan tanggungjawab sosial yang ditunjukkan oleh para informan memperlihatkan peralihan penting daripada penglibatan sukarela kepada komitmen mendalam terhadap pembangunan masyarakat. Mereka mula melihat diri bukan sekadar pelajar universiti, tetapi sebagai pemangkin perubahan yang berupaya memberi impak jangka panjang kepada komuniti rentan. Pengalaman ini turut memperkukuh pelaksanaan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG 8 dan SDG 10) apabila pelajar berperanan sebagai jambatan yang menghubungkan dunia akademik dengan komuniti marginal melalui aktiviti keusahawanan sosial yang memberi peluang ekonomi sebenar kepada golongan sasaran.

Dari segi implikasi praktikal, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penglibatan pelajar dalam keusahawanan sosial mampu menjadi strategi berkesan untuk memperkukuh agenda universiti sebagai agen perubahan sosial. Inisiatif seperti AbleLink Solutions boleh dijadikan model pembelajaran berasaskan pengalaman (*experiential learning*) yang bukan sahaja membina kompetensi profesional, tetapi turut memupuk nilai empati, tanggungjawab sosial dan kepimpinan beretika. Bagi pihak kerajaan dan agensi pelaksana, dapatan ini menyokong keperluan untuk memperluas sokongan kepada ekosistem keusahawanan sosial, khususnya melalui pembiayaan, latihan dan pengiktirafan yang lebih menyeluruh kepada pelajar dan komuniti terlibat. Dari segi implikasi akademik, kajian ini menambah sumbangan kepada literatur tempatan tentang

pembelajaran berasaskan pengalaman dan pendidikan keusahawanan sosial di Malaysia, selaras dengan aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi 2021–2025.

Sementara itu, implikasi sosial yang ketara ialah keupayaan program seperti AbleLink untuk memecahkan stigma terhadap golongan marginal dan mewujudkan interaksi dua hala yang lebih seimbang antara pelajar universiti dan komuniti rentan. Ini menunjukkan bahawa pendidikan sosial bukan sahaja berlaku dalam bilik kuliah, tetapi melalui interaksi dan pengalaman sebenar di lapangan agar pelajar membina kepekaan terhadap realiti sosial serta mempraktikkan nilai kemanusiaan dalam tindakan.

Bagi cadangan kajian masa hadapan, penyelidikan lanjut boleh dijalankan bagi meneliti kesan jangka panjang penyertaan pelajar dalam keusahawanan sosial terhadap pembangunan kerjaya dan komitmen sivik mereka selepas tamat pengajian. Kajian lanjutan juga boleh memberi tumpuan kepada peranan teknologi digital dalam memperluas impak keusahawanan sosial atau membandingkan model pelaksanaan antara institusi tempatan dan antarabangsa. Di samping itu, penyelidikan kuantitatif atau kaedah campuran boleh digunakan untuk menilai impak ekonomi sebenar terhadap komuniti sasaran bagi melengkapkan bukti empirikal yang lebih menyeluruh.

Kesimpulannya, keusahawanan sosial AbleLink Solutions wajar dilihat sebagai model transformasi yang bukan sahaja mengangkat kesejahteraan komuniti marginal tetapi turut memperkukuh peranan pendidikan tinggi dalam membentuk pelajar yang berjiwa sosial, beretika dan berdaya saing. Dengan menyepadukan prinsip SDG 8 dan SDG 10, inisiatif ini membuktikan bahawa perubahan sosial yang lestari boleh bermula daripada ruang pendidikan apabila pelajar bukan hanya belajar tentang masyarakat tetapi menjadi sebahagian daripada perubahan itu sendiri.

Penghargaan

Projek AbleLink Solutions ini telah mendapat tajaan dari Kementerian Pengajian Tinggi melalui Geran Pemula Program University-Community Social Enterprise (UCSE) dan University Social Enterprise Competition (USEC) 2024 (Rujukan: JPT(BHEPP)1000/016/018/01 Jld 15 (93)). Penghargaan juga untuk penasihat; Dr. Sarmila Md. Sum, mentor 2; Dr. Azahah Abu Hassan Shaari dan semua ahli AbleLink Solutions.

Konflik Kepentingan: Pengkaji tidak mempunyai konflik kepentingan dalam kajian ini.

Rujukan

- Ahmad Badayai, A. R., Zakaria, E., & Amin, A. S. (2023). Pemerkasaaan Ekonomi (Keusahawanan) Wanita OKU Fizikal: Cabaran Memulakan Perniagaan. *Akademika*, 93(03), 18–22. <https://doi.org/10.17576/akad-2023-9303-02>
- Aizan, S. A., Ezarina, Z., & Norulhuda, S. (2019). Metod Kajian Kualitatif. In Ibrahim, F., Alavi, K., & Hassan, N. (Eds.). *Penulisan tesis kajian kualitatif dan kuantitatif*, (pp. 60 & 77). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azil, F. (2024). Kerajaan Komited Tingkat Pengambilan OKU Dalam Perkhidmatan Awam. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kerajaan-komited-tingkat-pengambilan-oku-dalam-perkhidmatan-awam-495938>
- Bandura, A. (1997). *Self-efficacy: The exercise of control*. New York: W. H. Freeman.

- Bikar, S. S., Talin, R., Rathakrishnan, B., Sharif, S., Nazarudin, M. N., & Rabe, Z. B. (2023). Sustainability of Graduate Employability in the Post-COVID-19 Era: Initiatives by the Malaysian Ministry of Higher Education and Universities. *Sustainability*, 15(18), 13536. <https://doi.org/10.3390/su151813536>
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101.
- Clary, E. G., & Snyder, M. (1999). The motivations to volunteer: Theoretical and practical considerations. *Current Directions in Psychological Science*, 8(5), 156–159. <https://doi.org/10.1111/1467-8721.00037>
- Cornwall, A. (2008). Unpacking ‘participation’: Models, meanings and practices. *Community Development Journal*, 43(3), 269–283. <https://doi.org/10.1093/cdj/bsn010>
- Dasar Keusahawanan Sosial Malaysia. (2023). Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP). Putrajaya: Kerajaan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPT). (2021). Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia 2021–2025. Putrajaya: KPT.
- Kolb, D. A. (2015). *Experiential learning: Experience as the source of learning and development*. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall.
- Lyu, X., Al Mamun, A., Yang, Q., et al. (2024). Social entrepreneurial intention among university students in China. *Scientific Reports*, 14, 7362. <https://doi.org/10.1038/s41598-024-58060-4>
- Nazari, N. (2016). *Undang-Undang Malaysia akta 685 akta Orang Kurang upaya 2008*. Academia.edu.
- Ramírez-Montoya, M. S., Casillas-Muñoz, F., Tariq, R., Álvarez-Icaza, I., & Portuguese-Castro, M. (2024). Reimagining the future through the co-creation of social entrepreneurship in higher education: A multivariate prediction model approach. *Kybernetes*, 54(16), 1–19.
- Roslan, M., Shafie, N. A., Hamid, S., Ijab, M., Yusop, F., & Norman, A. (2020). Social entrepreneurship in higher education: Challenges and opportunities. *Asia Pacific Journal of Education*, 42(1), 1–17. <https://doi.org/10.1080/02188791.2020.1859354>
- Sanusi, Z. M., Ghazali, A. W., Rodzi, Z. M., & Razak, N. A. (2023). The State, Role and Challenges of Social Entrepreneurship in Malaysia. In J. Said, D. Daud, N. Erum, N. B. Zakaria, S. Zolkafli, & N. Yahya (Eds.), *Building a Sustainable Future: Fostering Synergy Between Technology, Business and Humanity* (Vol. 131, pp. 628–642). European Publisher. <https://doi.org/10.15405/epsbs.2023.11.54>
- Sen, A. (2015). *Development as freedom (1999)*. In J. T. Roberts, A. B. Bellone Hite, & N. Chorev (Eds.), *The globalization and development reader: Perspectives on development and global change* (2nd ed.). West Sussex: John Wiley.
- Shafie, N. A., Roslan, M., Hamid, S., Ijab, M., Yusop, F., & Norman, A. (2020). Social entrepreneurship in higher education: Challenges and opportunities. *Asia Pacific Journal of Education*, 42, 1–17. <http://dx.doi.org/10.1080/02188791.2020.1859354>
- Suhaila Nadzri. (2023). *Ramai OKU bekerja sendiri, tiada akses kepada skim sokongan*. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/06/1115525/ramai-oku-bekerja-sendiri-tiada-akses-kepada-skim-sokongan>
- United Nations. (2015). *Transforming our world: The 2030 Agenda for Sustainable Development*. <https://sdgs.un.org/2030agenda>

Zaliha Mustafa. (2024). *Kerajaan komited tingkat pengambilan OKU dalam perkhidmatan awam*. Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kerajaan-komited-tingkat-pengambilan-oku-dalam-perkhidmatan-awam-495938>